

28 MAY 1999

MENTERI LUAR TUNISIA KUNJUNGI DR AHATHIR

KUALA LUMPUR, 28 Mei (Bernama) -- Menteri Luar Tunisia Said Ben Mustapha mengunjungi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di sini hari ini.

Said tiba di sini pada Rabu lepas untuk lawatan rasmi tiga hari atas jemputan Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar.

Beliau diiringi delegasi lapan orang terdiri daripada pegawai-pegawai Kementerian Luar, Kementerian Perdagangan dan Kementerian Kerjasama Antarabangsa dan Pelaburan Luar Tunisia.

Terdahulu beliau menemui Menteri Pertanian Datuk Amar Dr Sulaiman Daud. Lewat hari ini, beliau dijadual menemui Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir.

Semalam Said mengadakan perbincangan mengenai isu-isu dua hala dengan Syed Hamid di Kementerian Luar.

-- BERNAMA

ES RYN NMO